

31/10/2003

Siaran langsung pelantikan Perdana Menteri baru

By Khairull Azleyana Ishak

BERSEMPENA pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima pada 31 Oktober 2003, TV3, akan mengadakan siaran langsung membawa detik bersejarah itu kepada rakyat seluruh negara.

Siaran langsung ini dikendalikan Pengurus Besar Berita dan Hal Ehwal Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya di Studio A, Sri Pentas. Dua tetamu turut diundang ke studio untuk membicarakan mengenai pelantikan Perdana Menteri baru ini.

Mereka adalah Datuk Shahril Samad, bekas menteri Kabinet dan Ariff Bador, bekas Setiausaha Agung Gabungan Pelajar Melayu Malaysia (GPMS) 1962-1964, ketika Datuk Seri Abdullah menjadi Presidennya..

Siaran langsung ini akan membawa penonton kepada dua lokasi iaitu di Istana Negara Kuala Lumpur dan juga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya. Di Istana Negara, penonton dapat menyaksikan penyerahan surat pelantikan sebagai Perdana Menteri yang diserahkan sendiri oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Abdullah disertai dengan majlis angkat sumpah jawatan. Detik bersejarah ini dijangka bermula pada jam 3 petang.

Selepas itu, Perdana Menteri Malaysia Kelima yang baru akan berlepas ke Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya bagi majlis penyerahan rasmi jawatan oleh Datuk Seri Dr Mahathir. Ia diikuti pula dengan upacara Dr Mahathir merakamkan kad perakam waktu buat kali terakhir.

Sempena dengan pelantikan itu, TV3, turut menyiarkan sebuah dokumentari khas berjudul Perjalanan Politik Perdana Menteri Kelima pada malam 31 Oktober 2003 bermula jam 10 malam hingga 11 malam.

Dokumentari 60 minit ini dihoskan Pengurus Perkhidmatan Editorial TV3, Yushanani Yushak. Dokumentari ini menyingkap perjalanan Abdullah sewaktu beliau dibesarkan di Kepala Batas, ketika bersekolah di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Bukit Mertajam High School dan Methodist School, Pulau Pinang.

Turut ditinjau ialah kegiatan beliau sebagai pemimpin pelajar bermula sebagai Yang Di Pertua Persatuan Pelajar Pulau Pinang pada tahun 1958 sehinggalah beliau menyandang jawatan Presiden GPMS antara 1962 hingga 1964.

(END)